



## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

PROGRAM KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



### MEMANAH

#### **1.0 PENGANJURAN & PENGELOLAAN**

- 1.1 Kejohanan ini dianjurkan dan dikelolakan bersama oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KESUVET) Ibu Pejabat (DVS) dan Kelab Sukan dan Kebajikan Veterinar (KSKV) Negeri Perak.

#### **2.0 ALATAN, GELANGGANG, ACARA**

- 2.1 Hanya acara Bare Bow sahaja yang dipertandingkan.
- 2.2 Pihak penganjur telah menetapkan peralatan yang akan digunakan adalah Bow Kayu (Wooden Bow) sahaja dan penggunaan anak panah adalah bebas.
- 2.3 Sekiranya mana-mana kontinjen memerlukan/tiada peralatan, pihak penganjur akan menyediakan Bow Kayu beserta anak panah.
- 2.4 Venue pertandingan adalah bertempat di **LAPANG SASAR MEMANAH** Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak.

#### **3.0 PERATURAN AM**

- 3.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang **WORLD ARCHERY FEDERATION (WA)** dan **PERSATUAN MEMANAH KEBANGSAAN MALAYSIA** dengan pindaan.
- 3.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-Undang (WA) yang terkini akan dirujuk.
- 3.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-
  - 3.3.1 Sebarang kejadian akan diputus berasaskan kepada **PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN MEMANAH SUKAN VETERINAR NEGERI PERAK**
  - 3.3.2 Sebarang keraguan teknikal akan diputus berasaskan kepada Undang-undang **WORLD ARCHERY FEDERATION (WA) DAN PERATURAN AM PIHAK PENGANJUR.**
- 3.4 Selain daripada peraturan diatas, Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah berhak **MEMINDA/MENGADAKAN** peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran kejohanan ini
- 3.5 Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Memanah Sukan Veterinar Negeri Perak adalah **MUKTAMAD.**

#### **4.0 PENDAFTARAN**

- 4.1 Setiap kontinjen hendaklah mendaftarkan tidak lebih daripada Lima (5) orang pemain, sekurang-kurangnya seorang (1) peserta wanita juga termasuk seorang (1) Jurulatih/Pengurus. (Jurulatih/Pengurus boleh menjadi pemain)
- 4.2 Pendaftaran nama-nama pemain serta pengurus hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang pendaftaran yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 4.3 Hanya pemain-pemain yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian.



## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

PROGRAM KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



### MEMANAH

4.4 Kelayakan pemain (peserta) adalah seperti dalam **Peraturan Am Perkara 11**.

4.5 Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan berhak meminta Kad Pengenalan atau dokumen berkaitan yang asal untuk pengesahan. Hanya pertukaran nama peserta/pengurus sahaja dibenarkan dan penambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan adalah tidak dibenarkan.

## **5.0 PERATURAN DAN CARA PERTANDINGAN**

5.1 Acara yang akan dipertandingkan ialah Single WA (jarak kadet) dalam jangka masa dua (2) hari termasuk hari latihan rasmi (sighters day) yang diadakan sebelum hari pertandingan dijalankan.

5.2 Acara Bare Bow sahaja yang dipertandingkan melibatkan kategori-kategori seperti berikut :-

### **5.2.1 Kategori Terbuka – Individu**

5.2.1.1 Jarak 30 meter – 122 cm

5.2.1.2 Hanya dua (2) peserta dari setiap pasukan yang dibenarkan mendaftar bagi kategori ini.

### **5.2.2 Kategori Beregu Campuran**

5.2.2.1 Jarak 30 meter – 122 cm

5.2.2.2 Pertandingan memerlukan Seorang (1) peserta lelaki dan Seorang (1) peserta wanita untuk acara ini.

5.3 Jumlah keseluruhan markah tertinggi bagi kedua-dua kategori yang dipertandingkan dikira sebagai pemenang.

## **6.0 WAKTU BERMULA SESUATU PERLAWANAN**

6.1 Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti yang tercatat di dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan atau Jawatankuasa Induk.

## **7.0 PENGADIL**

7.1 Jawatankuasa Pengelola akan melantik para pengadil / Pegawai Pertandingan yang berkelayakan setelah berunding dengan Pegawai Teknikal yang bertauliah dan tertakluk kepada **PERATURAN AM**.

7.2 Laporan perlawanan akan dibuat oleh pengadil di dalam borang yang disediakan selepas perlawanan dijalankan dan diserahkan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.



## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

PROGRAM KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI



### MEMANAH

#### 8.0 DISIPLIN PASUKAN

- 8.1 Setiap pengurus pasukan dan jurulatih adalah bertanggungjawab menjaga disiplin para pemain. Sekiranya terdapat sebarang salah laku atau pelanggaran disiplin yang menyebabkan kelancaran perlawanan terganggu, tindakan tatatertib akan dikenakan kepada pasukan tersebut berpandukan kepada laporan pegawai perlawanan dan pengadil perlawanan.
- 8.2 Lain-lain adalah sebagaimana terkandung didalam **Peraturan Am Sukan DVS**

#### 9.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN / MENARIK DIRI / MENYERAH KALAH / MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA

- 9.1 Sebagaimana terkandung didalam **Peraturan Am Perkara 18.**

#### 10.0 JAWATANKUASA TATATERTIB / JURI RAYUAN

- 10.1 Sila rujuk **Peraturan Am Perkara 22, Perkara 23 dan Perkara 24.**

#### 11.0 JADUAL PERLAWANAN

- 11.1 Jawatankuasa Pengelola akan menetapkan jadual perlawanan mana-mana pasukan tidak dibenarkan meminda mana-mana jadual perlawanan.

#### 12.0 UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH

- 12.1 Sila rujuk **Peraturan Tetap Perkara 12.**

#### 13.0 PEGAWAI YANG DIHUBUNGI

Nama	:	Haji Azahar Bin Abdul Malek
Jawatan	:	Pengurus Pertandingan Memanah
No. H/P	:	
emel	:	

Nama	:	Zulkefli Bin Yusof
Jawatan	:	Timbalan Pengurus Pertandingan Memanah
No. H/P	:	017-538 5336
emel	:	sukandvs@gmail.com